

# Dr. Mahathir ucapkan tahniah

UM - 9/6/2007

PUTRAJAYA 8 Jun - Tun Dr. Mahathir Mohamad turut mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang akan melangsungkan perkahwinan dengan Jeanne Abdullah, esok.

Bekas Perdana Menteri berkata, beliau berdoa agar Perdana Menteri akan menjalani kehidupan yang bahagia melalui perkahwinannya itu.

"Memanglah orang yang kehilangan isteri perlu berkahwin dan saya ucapkan tahniah serta berdoa beliau hidup bahagia," katanya kepada pemberita selepas meraikan kumpulan pendaki ekspedisi Merdeka de Everest 2007 di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini hari ini.

Dr. Mahathir mengulas mengenai perkahwinan Perdana Menteri dengan Jeanne, esok.

Majlis akad nikah akan dilangsungkan di kediaman rasmi Perdana Menteri di Seri Perdana di sini dan dihadiri oleh keluarga terdekat sahaja.

Jeanne dilahirkan di Kuala Lumpur pada 29 Julai 1953 dan merupakan anak sulung daripada empat adik beradik. Beliau mempunyai dua orang anak perempuan, Nadiah dan Nadene.